



IKLAN JAWATAN KOSONG
MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA
<http://www.mphtj.gov.my>

Permohonan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) seperti berikut :

A. PENOLONG AKAUNTAN GRED W29

Gred Jawatan	:	Penolong Akauntan W29
Jabatan	:	Penilaian dan Pengurusan Harta
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kewangan
Jadual Gaji	:	

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
1,498.00	5,678.00	145.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) i. sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); atau
ii. *Certified Accounting Technician* (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); atau
iii. Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,776.08);
iv. *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM2001.68)

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian **(sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENAKLUKAN DI BAWAH
SYARAT-SYARAT SKIM
PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Akauntan Gred W29 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

KONTRAK (1 KEKOSONGAN)

CARA MEMOHON :

- i. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya yang boleh didapati dari laman web MPHTJ iaitu <http://www.mphtj.gov.my> atau datang sendiri ke Aras 2, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.
- ii. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan keutamaan kepada anak kelahiran Negeri Melaka.
- iii. Permohonan hendaklah disertakan dengan **sesalinan sijil-sijil kelayakan dan dokumen yang disahkan**. Permohonan yang **tidak lengkap dan tidak memenuhi** syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan akan **ditolak dengan serta merta**
- iv. Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan salinan kenyataan perkhidmatan yang telah dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) terkini dan dihantar melalui majikan masing-masing.
- v. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar di dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN** yang dipohon.
- vi. Alamat permohonan dan tarikh tutup permohonan :

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
SF-01, Aras 2,
Kompleks Melaka Mall,
Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh,
75450 Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, Melaka
(U.P : BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

**TARIKH BUKA PERMOHONAN : 3 OGOS 2020
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 17 OGOS 2020**